

utusan: 27/11/13

## Konvo ke-5 UniSZA di TTI Sabtu, Ahad ini

KUALA TERENGGANU 26 Nov. - Seramai 1,444 graduan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan menerima ijazah masing-masing pada Konvokesyen Kelima yang akan diadakan di Taman Tamadun Islam (TTI) di sini selama dua hari bermula Sabtu ini.

Daripada jumlah itu, tiga orang akan menerima Doktor Falsafah, Sarjana Sains (11 orang), Sarjana Sastera (10 orang), Ijazah Sarjana Muda (659 orang) dan Diploma (761 orang).

Mereka merupakan graduan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Pertanian Bioteknologi dan Sains Makanan, Fakulti Informatik dan Komputeran, Fakulti Reka Bentuk dan Teknologi Kejuruteraan dan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa.

Pegawai Penerangan UniSZA, Asmah Mustafa berkata, buat pertama kalinya, pihak universiti akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Bioteknologi kepada seorang individu yang akan diumumkan pada konvokesyen berkenaan.

Katanya, seperti biasa, Anugerah Terbaik Fakulti juga akan diberikan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda yang memperoleh keputusan cemerlang dalam akademik serta kepimpinan.

"Pada konvokesyen itu juga, UniSZA akan mengeluarkan graduan sulung bagi Ijazah Sarjana Muda Dietetik," ujarnya dalam kenyataan di sini.

Sempena majlis konvokesyen itu, UniSZA turut melancarkan logo baharu universiti berkenaan pada Majlis Santapan Malam yang akan diadakan di Hotel Tabung Haji di sini pada 29 November ini.

Asmah berkata, bagi memeriahkan sambutan konvokesyen kali ini, pelbagai aktiviti lain turut diadakan di kampus utama di Gong Badak yang akan bermula Jumaat ini.

Antara program yang akan disediakan ialah pameran, gerai jualan, pertandingan sukan, sukaneka dan Malam Kesenian Islam.

utusan - 6/11/13

## Perpustakaan buka keahlian luar kampus

KUALA TERENGGANU 5 Nov. - Orang ramai kini boleh meminjam bahan bercetak dari Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) setelah keahlian kini dibuka kepada masyarakat luar kampus.

Terdapat tujuh kategori keahlian luar yang ditawarkan iaitu korporat, profesional, pelajar, kakitangan kerajaan, institusi kerajaan, pesara, pesara UniSZA dan anak kakitangan UniSZA.

Ketua Pustakawan, Rohani Othman berkata, peluang berkenaan memudahkan orang ramai mendapatkan bahan penting untuk tujuan bacaan, penyelidikan, pembelajaran, pengajaran atau rujukan berkaitan bidang kerjaya mereka yang mungkin sukar diperoleh di tempat lain.

Menurutnya, Perpustakaan UniSZA mempunyai koleksi khas undang-undang yang menjadi rujukan dalam kalangan peguam dan disifatkan sebagai koleksi terbaik memandangkan UniSZA satu-satunya universiti menawarkan program itu di negeri ini.

"Kami juga mempunyai koleksi bahasa Arab yang lengkap kerana sentiasa mengemaskini dan menambah bahan yang ada dengan mendapatkannya secara terus dari Kaherah memandangkan ada bahan yang tidak sampai ke Malaysia," katanya kepada di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, jelasnya, pengunjung luar hanya boleh membaca atau menyalin bahan yang diperlukakan di perpustakaan dan menyukarkan mereka yang datang dari jauh kerana perlu berulang-alik.

"Kami selalu mendapat permintaan daripada pengunjung dan inisiatif ini diharap dapat menyerlahkan moto universiti iaitu Ilmu Demi Faedah Insan," katanya.

Tambahnya, yuran RM5 dikenakan untuk pendaftaran dan kad ahli bagi peminjaman dunia unit bahan selama 14 hari dan mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi talian 09-668 8888 atau layari laman [www.unisza.edu.my/perpustakaan](http://www.unisza.edu.my/perpustakaan).